

E-BULETIN JKA

informasi untuk dikongsi

PROGRAM KPT-CAP PENJANA

Mensasarkan Pelatih mendapat kerja



Seramai 20 peserta dari Politeknik Malaysia kini berjaya mendapat pekerjaan selepas menyertai Program Pensijilan Pemetaan Utiliti Profesional (Kompetensi) yang diadakan bersama pemain pelbagai industri baru-baru ini.

Difahamkan program tersebut salah satu inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) Kementerian Pengajian Tinggi-Career Advancement Programme (Penjana KPT-CAP). Politeknik Kuching menerusi satu kenyataan menjelaskan, program tersebut diadakan pada 1 hingga 4 November lalu dan berjaya menghimpunkan 20 pelajar lepasan Diploma Geomatik yang tamat sesi pengajian pada Disember 2018 dan Jun 2019.

“Hasil program ini, peserta dinilai dari segi tahap kompetensi penggunaan alat dan proses pengumpulan data di bawah tanah bagi tujuan pemetaan utiliti.

“Malah pemain industri seperti Lembaga Juruukur Tanah Sarawak, Institusi Ukur Diraja Malaysia dan Persatuan Perunding Juruukur Tanah Berlesen Sarawak turut sama membantu dalam pembangunan dan pengesahan rubrik penilaian ini,” jelas Pengarah Politeknik Kuching Sarawak. >> *Lanjut m/s 14*



Bengkel Elavator Kit
 >> m/s 3
 PolyCare Community
 Rumah Terbakar
 >> m/s 6
 Built and Break
 Bridge Competition
 >> m/s 9
 Khemah Ukur DGU
 Sesi Jun2020
 >> m/s 13



SEKAPUR SIREH

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM MUHIBBAH!

Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya kita dapat bersua kembali pada keluaran buletin siri 6/2020 Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Kuching Sarawak.

Edisi ini merupakan yang terkahir untuk tahun ini dan pelbagai kejayaan dan pelbagai aktiviti yang telah di jalankan bagi memenuhi segala KPI walaupun kita masih berada pada situasi pandemik covid-19, sekalung tahniah pada semua yang telah menjayakan dan mengharumkan nama JKA.

Di harapkan semua warga JKA terus cemerlang dari masa ke masa secara langsung atau tidak dan dapat memberikan imej yang baik untuk JKA. Saya selaku Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam mengucapkan Selamat Tahun Baru dan selamat bercuti.

Akhir sekali, saya menyeru agar semua menjaga kebersihan diri dan ingatlah, sentiasa menjaga SOP walau dimana kita berada.

Sekian, Wassalam

Che Zaidi Bin Che Hassan
Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam



Kenali Pengurusan Tertinggi JKA

Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) merupakan salah satu jabatan bidang kejuruteraan di Politeknik Kuching Sarawak. Jabatan ini menawarkan 3 program di bawahnya iaitu, Program Diploma Kejuruteraan Awam, Program Diploma Pengurusan Bangunan dan Program Diploma Geomatik. JKA yang di ketuai oleh Sr. Che Zaidi B Che Hassan dan di tunjangi oleh 3 orang Ketua Program yang sangat berdedikasi iaitu Ledia Anak Angul, Redzuan Safri Abd Rahman dan Sumbang Anak Mandaw.

Salam Sejahtera...

Saya mewakili pihak redaksi mengucapkan ribuan terima kasih diatas sokongan penerbitan e-buletin jka ini. Edisi ini merupakan yang terkahir untuk tahun 2020 dan kami merakamkan jutaan terima kasih pada semua yang menyumbangkan bahan-bahan untuk kami muatkan ke dalam e-buletin JKA. Segala jasa kalian tidak mampu kami membalasnya. Kami akan cuba untuk terus mengeluarkan e-buletin ini mengikut seperti yang dirancang walaupun pandemik masih belum reda buat masa ini. Sekian, salam poliku sayang daripada kami di pihak redaksi, stay safe!

Joshua Ribbi,
Ketua Editor.

Dari Meja Editor

Bengkel Latihan Penggunaan

Oleh : Munirah Dawi Saifuddin



ELEVATOR TRAINING KIT

Pada 3 November 2020 JKA telah melakukan satu bengkel penggunaan alatan makmal yang lebih spesifiknya penggunaan Elavator Training Kit. Alat ini merupakan alatan yang bakal di gunakan oleh pensyarah dan pelajar bagi melihat dengan jelas simulasi dan komponen sesebuah kemudahan pengangkutan di dalam bangunan terutamanya Elavator.

Walaupun masih di dalam norma baru, bengkel ini berjaya dijalankan dengan jayanya dan penceramah adalah dari Fajar Bumijaya Sdn. Bhd.

Terdapat dua sesi bengkel iaitu secara online dan bersemuka yang dibantu oleh teknikal staf dari Fajar Bumijaya Sdn. Bhd.

Impak daripada kursus ini, peserta dapat mempelajari cara menggunakan alat dan peralatan ini di tempatkan di bengkel DPB.

Selain daripada itu, peserta dapat memahami proses penyelenggaraan alat ini dengan baik supaya ianya dapat memberikan jangka hayat yang panjang untuk kegunaan mendatang.



BUILDING DIAGNOSTIC Thermal Imager

Oleh : Munirah Dawi Saifuddin



Bengkel Latihan Penggunaan Alatan Makmal JKA-*Building Diagnostic Thermal Imager* telah berlangsung pada 19 Oktober 2020 bertempat di bengkel DPB. Perbengkelan ini turut di adakan mengikut SOP norma baru dengan mengadakan secara bersemuka dan online.

Penceramah yang di sertai daripada Fajar Bumijaya Sdn Bhd telah menyampaikan dengan jayanya. Melalui bengkel ini, peserta dapat memahami fungsi dan kaedah untuk selenggara alat thermal imager ini dengan baik. Di harapkan ilmu yang di terima dapat dimanfaatkan di masa hadapan.

Bengkel Penyediaan SOP

Oleh : Zainap

PELUPUSAN SISA DAN MAKMAL JKA

Pada 6 November 2020, satu perbengkelan ringkas diadakan bagi penyediaan *Standard of Prosidure* (SOP) pelupusan sisa dan makmal JKA. Perbengkelan ini amat penting bagi JKA kerana sebahagian bahan buangan perlu di uruskan dengan baik.

Bengkel ini telah berjaya, memberi kefahaman kepada peserta bagaimana cara penyediaan SOP pelupusan dan seterusnya dapat menyediakan SOP Pelupusan Sisa bengkel dan makmal.



Di harapkan selepas bengkel ini, JKA tiada masalah untuk menghasilkan SOP yang berguna dan mematuhi kehendak SIRIM dan mana-mana organisasi lain yang bertanggungjawab seperti Jabatan Alam Sekitar.

PolyCare4U Community

RUMAH NAGA RASAU & RUMAH JACKSON

Oleh: Hazeri



Pada 16 September 2020, jam 5.15 petang sebuah rumah panjang yang terdiri dari penghuni Rumah Naga Rasau dan Rumah Jackson telah terlibat dengan kebakaran. Kebakaran ini telah memusnahkan Rumah Naga Rasau yang melibatkan 8 buah keluarga, manakala Rumah Jackson melibatkan 10 buah keluarga. Terdapat dua pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Awam iaitu Verceliza Beatrice Anak Ricky dan Annysa Anak Gansol yang menghuni rumah ini.

Sehubungan itu, satu inisiatif dengan kerjasama Kelab Kejuruteraan Awam, Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak (MPPPKS), Yes! dan Persatuan Alumni Politeknik Kuching telah merancang program dan aktiviti mengutip sumbangan dari warga Politeknik Kuching Sarawak (PKS) untuk disampaikan kepada Tuai Rumah Naga Rasau dan Tuai Rumah Jackson.



Bengkel Latihan Penggunaan Alatan Makmal JKA-

Bengkel Latihan Penggunaan Alatan Makmal JKA- Shears Force And Bending Moment telah diadakan pada 26-28 oktober 2020.

Bengkel ini adalah bagi memastikan alat ini dapat di gunakan dan di operasikan dengan betul dan baik. Perbengkelan ini telah di sampaikan oleh penceramah daripada Fajar Bumijaya Sdn. Bhd.

Di samping itu, bengkel ini juga di laksanakan mengikut SOP norma baru bagi mengekang penularan pandemik Covid-19.

Shears Force And Bending Moment

oleh: Munirah Dawi Saifuddin



Setiap peserta juga di ingatkan agar mampu melaksanakan PnP dengan alat ini dan dapat menggunakannya seoptima mungkin.

Ini adalah satu langkah yang baik bagi membantu melicinkan dan memudahkan pelajar ketika di dalam kelas.

Di harapkan para peserta akan mahir dan dalam menggunakan alatan ini dan mampu memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran selepas ini.



Bengkel E-PROFILING PENILAIAN KOMPETENSI TiPS 2020 JKA

oleh : Siti Zubaidah



Pada 16 Oktober yang lalu telah diadakan satu program bengkel untuk staf JKA, yang diberi nama bengkel e-profiling TiPS 2020.

Lokasi bengkel ini hanya di pejabat JKA kerana memudahkan peserta untuk menggunakan komputer dan capaian internet.

Bengkel ini bertujuan untuk memberi kefahaman kepada staf JKA bagaimana untuk mengemaskini e-profiling 2020.



Selain memberikan kefahaman, bengkel ini juga secara tidak langsung telah menyebabkan pengisian e-profiling staf JKA dengan pantas, syabas dan tahniah kepada penganjur.



Penceramah yang di jemput juga amat mahir dan berpengalaman, iaitu Pn. Siti Zubaidah dan di bantu oleh Pn Munirah dan En Nasir Badrul Zaman daripada ULPL.

Semasa program ini berlangsung, banyak 'feedback' daripada peserta kerana melibatkan pelbagai kursus dan bidang di JKA. Selain itu, dengan kehadiran staf baru di JKA mereka berpeluang mengisi e-profiling ini buat pertama kali bersama-sama dengan format yang baru.

Program ini di meriahkan lagi dengan kehadiran Ketua Jabatan kejuruteraan Awam, walaupun beliau sibuk tetapi sempat meluangkan masa untuk sama-sama memeriahkan bengkel ini.

Diharapkan program sebegini dapat memberi manfaat kepada semua staf dan JKA hendaknya terutama pengisian e-profiling sendiri.





Oleh : Azlan Ali

STUDENT RESEARCH AND INNOVATION CARNIVAL 2020

BRIDGE MODEL COMPETITION

Bersempena minggu Student Research & Innovation Carnival 2020, UPIK dengan Kerjasama Jabatan Kejuruteraan Awam PKS akan menganjurkan satu pertandingan Rekabentuk Model Jambatan iaitu Bridge Model Competition 2020 (BMC'20).

Ianya telah berlangsung selama 2 HARI dengan hari pertama merupakan hari untuk membina model jambatan. Masa yang di peruntukkan adalah dari 8.00 pagi sehingga 1.00 tghari bertempat di Dewan Jubli Perak Politeknik Kuching Sarawak. Satu taklimat ringkas telah di berikan sebelum pertandingan bermula. Semua peserta dikehendaki membina model jambatan mereka mengikut pelan yang telah mereka serahkan kepada pihak urusetia. Tepat jam 1.00 petang, semua model jambatan yang telah siap dibina hendaklah diserahkan kepada urusetia pertandingan.

Pada hari kedua, ia merupakan hari untuk menguji model jambatan yang telah dibina bertempat di Dataran Dewan Jubli Perak bermula jam 8.30 pagi sehingga 12.00 tengah hari.

Setiap model akan di uji dengan nilai pemberat bermula daripada 5 newton sehinggalah model jambatan runtuh atau musnah.


Program ini menarik ramai peserta dari kalangan pelajar yang bukan saja dari JKA tetapi dari pelbagai disiplin termasuklah dari jabatan mekanikal, perdagangan dan elektrik.



Program CSR

BRICKWORK AND
CONCRETE LABORATORYMEMBAIKI LALUAN DAN ANAK
TANGGA DI BELAKANG JKA

oleh : Hazeri



Program CSR Brickwok and Concrete telah di belakang bangunan JKA. Program ini di dilaksanakan dengan melibatkan pelajar DKA dan pensyarah sebagai pembantu dan penyelia. Banyak manfaat di perolehi daripada program ini terutamanya kemahiran pelajar DKA untuk membancuh simen dengan nisbah yang sesuai, membuat dan memasang framework, mengikat bata dan membaca keadaan cerun dengan baik.

di jalankan bagi membaiki tangga

Di harapkan program sebegini dapat memupuk nilai-nilai yang baik dan jati diri di dalam semua warga pelajar JKA. Semoga jasa kalian semua dapat balasan yang baik daripada NYA.



**UTAMAKAN KESELAMATAN
SAFETY FIRST**

Bagi mencapai dan mengekalkan EKSA berada di dalam kalangan terbaik, JKA telah mengambil beberapa inisiatif antaranya mengadakan gotong-royong bengkel dan makmal JKA. Bengkel yang menjadi rujukan adalah bengkel kerja kayu kerana kedudukannya yang sentiasa menjadi perhatian umum dan kerigidan membersihkan sisa-sisa kayu serta peralatan yang banyak.

GOTONG ROYONG

oleh: Zawawiv Abd Aziz

MEMBERSIHKAN BENGKEL KERJA KAYU



Gotong - royong ini di ketuai penyelia bengkel iaitu En Zawawiv dan terima kasih kepada semua pensyarah kerana berjaya melibatkan diri.



SEBELUM



SELEPAS

Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Itulah perungkapan yang sesuai ketika menjayakan program ini. Tahniah dan syabas diucapkan kepada warga JKA yang sentiasa memberikan sokongan moral, mental mahupun fizikal. Di harapkan kerjasama ini tidak berhenti dan JKA terus maju ke hadapan. SYABAS!



Gotong - Royong

MEMBERSIH SUNGAI PKS 'GO GREEN'

oleh: CK. Fuad

Pada tanggal 30 Disember 2020, satu program gotong-royong membersihkan sungai di hadapan PKS telah di lakukan. Program ini melibatkan pelbagai jabatan dan tidak ketinggalan JKA turut serta dengan



melibatkan staf yang masih bertugas memandangkan ramai yang mengambil cuti akhir tahun.

Program ini turut di sertai oleh pengurusan tertinggi PKS dengan Pn. Jamaliah dan En Shamsudin turut serta dengan mengenakan pakaian yang sesuai. Program berlangsung dengan pecahan kumpulan dengan menyusun batu anak sungai, mengutip sampah, memotong pokok dan dahan-dahan dan program berakhir kira-kira jam 2 petang.




DCG 6231


KHEMAH oleh: Stuart Otto KERJA UKUR SESI JUN 2020

KG PANDAN, LUNDU

KHEMAH KERJA UKUR merupakan satu aktiviti untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan menjana kemahiran dalam bidang ukur tanah dan hidrografi terutama kepada pengukuran dan teknik penetududukan, pemprosesan data dan penghasilan persembahan dalam bentuk pelan. Kursus ini memberi penekanan kepada ukur kadafter, ukur kejuruteraan, ukur GPS dan ukur hidrografi. Ia juga mendedahkan kepada pelajar dengan kerja berpasukan dalam menyelesaikan tugas yang diberikan sepanjang camp ini dijalankan.

Antara objektif pada kali ini ialah untuk menyelesaikan tugas kajian. Semasa kem ukur kejuruteraan di Kg Pandan Lundu, pelajar dengan jayanya dapat melaksanakan kerja ukur kawalan, kadafter dan pemancang tanda. Mereka juga di kehendaki melakukan ukur GPS dan seterusnya menghasilkan laporan Khemah Ukur kejuruteraan.

Selain itu, mereka juga di dedahkan dengan teknik pengukuran hidrografi di sekitar jeti Sg. Lundu. Setiap Kumpulan telah di tugaskan untuk membuat kerja bergilir-gilir bagi menjaga cerapan air pasang surut dan khemah ukur ini secara tidak langsung menunjukkan keupayaan untuk memimpin dan bekerjasama sebagai satu pasukan untuk menyelesaikan tugas yang diberikan mengikut standard JUPEM dan standard Lesen Surveyor. Syabas dan Tahniah !



Utility Mapping



Turut hadir dalam majlis perasmian penutupan program Pengarah Politeknik Kuching Sarawak Jamaliah Ahmad disaksikan wakil pihak industri secara dalam talian.

Beliau berharap program tersebut dapat merapatkan hubungan antara PKS dengan pemain industri sekaligus memberi nilai tambah kemahiran kepada penolong jurukur tanah yang diperlukan industri terutama di Sarawak.

Pada majlis tersebut, laman syarikat sudi untuk menawarkan peluang pekerjaan kepada peserta iaitu Borders Survey Consultant Sdn Bhd, Resources Survey Services, W.L.S Survey Services, Ukurancang Perunding Sdn Bhd, Juru Survei Mas Gading, Jurukur Metra, Perunding Survei TS dan Juru Survei Konsult.

oleh : Nizar Hashim

PENJANA KPT-CAP